



Pengukuhan Ringgit Cerminan Kematangan Ekonomi

Pengukuhan Ringgit Malaysia (RM) merupakan hasil daripada interaksi dinamik dalaman dan luaran. Faktor dalaman seperti pertumbuhan ekonomi yang kukuh di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam

menarik pelabur yang ingin memanfaatkan peluang ekonomi di negara ini. Apabila Bank Negara Malaysia (BNM) memilih dasar monetari yang lebih ketat dengan menaikkan kadar faedah, dasar ini menarik modal asing dan seterusnya meningkatkan

permintaan untuk ringgit. Tambahan pula, imbalan dagangan yang sihat dan disokong oleh permintaan eksport yang tinggi memperkukuh permintaan terhadap ringgit apabila pembeli antarabangsa berduyun-duyun membeli barangan Malaysia. Kestabilan politik juga menjadi faktor utama dengan landskap politik yang mantap mendorong keyakinan pelabur dan peningkatan aliran modal.

Faktor luaran seperti iklim ekonomi global memberikan pengaruh yang besar kepada kekuatan ringgit. Apabila ekonomi dunia semakin pulih, permintaan untuk eksport Malaysia turut meningkat sekali gus mengukuhkan kedudukan mata wang tersebut. Kenaikan harga komoditi, terutamanya minyak sawit dan getah menyumbang kepada imbalan dagangan yang

menguntungkan memberikan sokongan tambahan terhadap ekonomi Malaysia. Pada masa yang sama, perubahan sentimen pelabur terhadap pasaran memunculkan turut meningkatkan minat pelabur terhadap Malaysia, seterusnya memperkukuh nilai ringgit. Akhirnya, apabila dolar Amerika Syarikat (AS) melemah, ringgit tampil lebih kukuh dan menjadikan mata wang pilihan yang lebih bernilai.

Dana Mengalir ke Asia Tenggara Seiring dengan Kitaran Pemotongan Kadar Faedah

Ketika dana global lebih banyak tertumpu ke Asia Tenggara, rantau ini bersedia untuk memanfaatkan kitaran pemotongan kadar faedah dengan menawarkan peluang yang menarik untuk pulangan yang tinggi. Dalam tempoh dua bulan ini, pelabur lebih banyak membeli bon kerajaan di Thailand, Indonesia dan Malaysia secara agresif, di samping melakukan pembelian bersih terhadap ekuiti di Indonesia, Malaysia, dan Filipina selama tiga bulan terakhir. Lonjakan pelaburan ini telah memacu mata wang Asia Tenggara dengan saham tempatan jauh mengatasi rakan global mereka.

Momentum ini diperkuat oleh isyarat daripada bank pusat di rantau ini mengenai potensi pemotongan kadar faedah dengan Filipina telah melonggarkan dasar monetari pada Ogos lalu dan Indonesia dijangka akan melakukan hal yang sama tidak lama lagi. Kadar faedah sebenar yang secara relatifnya tinggi telah menyediakan ruang yang mencukupi untuk pelarasan dan mewujudkan persekitaran yang baik untuk pelabur.

Kadar faedah sebenar dasar Indonesia kini berada pada 4.1%, jumlah ini jauh daripada purata lima tahunnya, manakala Filipina berada pada kedudukan teratas dari segi kadar faedah sebenar dalam kalangan pasaran yang sedang membangun. Dalam hal ini, syarikat pelaburan global dilihat mula menekankan kelebihan strategik melabur dalam bon di negara ini, terutamanya dalam jangka sederhana hingga panjang kerana pelabur percaya bahawa mereka berada pada kedudukan yang lebih baik untuk melonggarkan dasar monetari mereka.

Metrik penilaian menonjolkan lagi daya tarikan Asia Tenggara dengan mata wang yang diniagakan di bawah purata jangka panjang, menunjukkan bahawa mata wang tersebut dinilai lebih rendah berbanding dengan mata wang rantau lain. Dalam situasi ketegangan geopolitik yang semakin meningkat, rantau ini muncul sebagai alternatif yang menarik berbanding dengan China, khususnya bagi pelabur yang ingin mengurangkan risiko

perdagangan. Seperti yang dikemukakan oleh pelabur global, kedudukan geografi Asia Tenggara berdekatan dengan negara ekonomi utama seperti China dan India meningkatkan daya tarikannya dalam landskap global yang berkembang. Gabungan faktor ini menyediakan landasan untuk tempoh transformasi di pasaran Asia Tenggara yang bersedia untuk dimanfaatkan oleh pelabur.

Landskap Pelaburan di Malaysia

Dalam landskap pelaburan di Malaysia, terdapat dua jenis pelaburan yang sering menjadi tumpuan, iaitu Portfolio Pelaburan dan Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF). Kedua-duanya memainkan peranan dalam membentuk trajektori ekonomi negara, namun didorong oleh kuasa yang berbeza dan memberikan kesan yang berbeza.

Portfolio Pelaburan yang biasanya melibatkan pembelian dan penjualan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) atau pelaburan dalam sekuriti hutang terkenal dengan kecairan dan tumpuan jangka pendek. Sering disebut sebagai "wang panas," pelaburan ini terdedah kepada kegiatan spekulatif yang menyumbang kepada pemeruaipan pasaran. Walaupun pelaburan ini boleh memacu keuntungan yang cepat kepada pengurus aset dan pelabur kaya, peranannya dalam menghasilkan pertumbuhan ekonomi sebenar adalah terhad. Aliran modal jangka pendek ini cenderung untuk menguntungkan segelintir pihak dan tidak menggalakkan pembangunan yang

Dalam landskap pelaburan di Malaysia, terdapat dua jenis pelaburan yang sering menjadi tumpuan, iaitu Portfolio Pelaburan dan Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF).



mampuan, penambahbaikan infrastruktur, serta penciptaan pekerjaan.

Sebaliknya, GFCF mewakili pelaburan dalam aset fizikal yang penting seperti infrastruktur, jentera dan bangunan untuk memperkasakan kapasiti produktif ekonomi. GFCF mempunyai kesan yang lebih mendalam dan langsung terhadap pembangunan ekonomi kerana pelaburan ini memacu pertumbuhan jangka panjang melalui peningkatan infrastruktur dan kecekapan industri. Namun begitu, untuk merealisasikan manfaat GFCF memerlukan komitmen yang berterusan daripada sektor awam dan swasta. Hal ini memerlukan visi jangka panjang dan sumber yang mantap untuk menjadikannya sebagai kenyataan.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menjadi pemain utama

dalam mempromosikan dan melaporkan aliran pelaburan ke negara ini. Namun begitu, terdapat perbezaan penting antara pelaburan yang dilaporkan MIDA sebagai "diluluskan" dengan pelaburan yang sebenarnya direalisasikan, yakni menjadi kenyataan. Apabila MIDA mengumumkan kelulusan pelaburan, angka itu mewakili komitmen atau janji oleh syarikat dan pelabur untuk menyuntik modal dalam ekonomi Malaysia, khususnya sektor utama seperti pembuatan, teknologi dan infrastruktur. Walau bagaimanapun, kelulusan tidak semestinya bermaksud bahawa pelaburan itu akan direalisasikan dalam bentuk projek sebenar, iaitu dengan pembinaan kilang atau penciptaan pekerjaan.

Perjalanan daripada pelaburan yang diluluskan kepada pelaburan yang direalisasikan penuh dengan cabaran. Halangan birokrasi, kelewatan peraturan, perubahan dalam keadaan

pasaran dan kekangan kewangan yang tidak dijangka boleh melambatkan atau menghentikan projek sebelum bermula. Hal ini mewujudkan jurang antara angka optimis yang dilaporkan oleh MIDA dengan kesan ekonomi sebenar yang wujud di lapangan. Pada asasnya, pelaburan yang diluluskan mewakili potensi dan janji pertumbuhan masa depan, tetapi tanpa laluan yang jelas untuk direalisasikan, janji itu kekal tidak ditunaikan.

Jurang itu penting untuk diberikan perhatian kerana mempengaruhi kerajaan dalam melihat kemajuan ekonomi. Pembuat dasar dan penganalisis mungkin meraikan kelulusan pelaburan besar-besaran, tetapi melainkan komitmen ini bertukar menjadi aset ketara, pelabur tidak banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi jangka panjang. Malaysia perlu memastikan bahawa persekitaran pelaburan bukan

sahaja menarik di atas kertas tetapi juga kondusif untuk menukar pelaburan yang diluluskan menjadi pemacu ekonomi sebenar yang memberikan manfaat. Dalam hal ini, laporan MIDA berfungsi sebagai petunjuk potensi pertumbuhan serta peringatan tentang kerja yang masih diperlukan untuk mengubah potensi itu menjadi realiti.

Daya Saing Ekonomi Malaysia

Berdasarkan separuh kedua tahun 2024, trajektori ekonomi Malaysia merupakan kajian kes yang menarik tentang sebuah negara boleh memanfaatkan daya dinamik sektor swasta untuk mendorong pertumbuhan. Dengan ekonomi berkembang sebanyak 5.9% pada suku kedua didorong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh, kekuatan eksport, peningkatan hasil pelancongan dan peningkatan pelaburan swasta, Malaysia telah menzahirkan daya saing ekonominya. Prestasi positif ini menggariskan manfaat daripada campur tangan kerajaan yang minimum dan menonjolkan keadaan tepat yang boleh merangsang pertumbuhan yang diterajui sektor swasta.

Daya tarikan Malaysia kepada pelabur asing, terutamanya dalam sektor teknologi sangat ketara. Peningkatan pelaburan langsung asing dalam sektor yang memerlukan tenaga tinggi seperti pusat data menunjukkan kelebihan strategik Malaysia yang mempunyai sumber tenaga yang banyak dan murah. Pelan Hala Tuju Peralihan

Peningkatan pelaburan langsung asing dalam sektor yang memerlukan tenaga tinggi seperti pusat data menunjukkan kelebihan strategik Malaysia yang mempunyai sumber tenaga yang banyak dan murah.

Tenaga Nasional (NETR) menggariskan komitmen untuk memperkukuh tenaga boleh baharu selari dengan matlamat sifar bersih global dan menjadikan Malaysia lokasi yang lebih menarik untuk pelaburan teknologi.

Walaupun terdapat ketidaktentuan dalam nilai mata wang serantau, mata wang Malaysia telah mengukuh dengan mencapai paras tertinggi dalam 16 bulan berbanding dengan dolar AS. Sehingga 20 Ogos 2024, ringgit telah meningkat sebanyak 4.85% dan menghampiri julat nilai saksama antara RM4.30 hingga RM4.40 berbanding dengan dolar AS. Peningkatan ini didorong oleh faktor luaran dan arah dasar kadar yang lebih jelas daripada ekonomi utama.

Melihat ke hadapan, walaupun data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) memberangsangkan, pertumbuhan ekonomi Malaysia masih terdedah kepada halangan global. Era pasca-COVID-19 telah menyaksikan kadar

pertumbuhan yang berubah-ubah. Sebagai contoh, ramalan pertumbuhan ekonomi untuk tahun 2023 adalah antara 4% hingga 5%, namun nilai sebenar ialah 3.6%. Pada masa sekarang, pertumbuhan melebihi aliran asas, tetapi jika kembali kepada trajektori normal, pertumbuhan mungkin stabil sekitar 4% hingga 4.5%.

Krisis global telah memberikan tekanan yang ketara kepada dinamik perdagangan kerana keseimbangan antara import dan eksport telah berubah secara tidak menguntungkan. Import melebihi eksport menyebabkan sumbangan bersih perdagangan semakin berkurangan. Faktor domestik seperti pengeluaran Akaun Fleksibel Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memberikan sedikit sokongan kepada permintaan pengguna, walaupun kesannya kurang daripada yang dijangka.

Inflasi kekal terkawal, iaitu sekitar 2%, tetapi jika ekonomi terus berkembang melebihi potensinya, tekanan inflasi pada masa depan mungkin muncul yang berpotensi membawa kepada kadar faedah yang lebih tinggi.

Mencapai Keseimbangan antara GFCF dengan Portfolio Pelaburan

Dalam landskap pelaburan Malaysia, rentak antara Portfolio Pelaburan dengan GFCF merupakan ciri yang menentukan trajektori ekonomi. Portfolio Pelaburan yang merupakan nadi kewangan global membawa kecairan dan ketidaktentuan yang seimbang, membolehkan pengurus aset meraih

keuntungan jangka pendek tetapi tidak banyak membantu untuk memacu pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang dan menyeluruh. Sebaliknya GFCF, iaitu pelaburan dalam aset fizikal seperti infrastruktur, jentera dan kilang membentuk asas kemajuan ekonomi yang berterusan, mendorong kapasiti industri, penciptaan pekerjaan dan pertumbuhan produktiviti sebenar. Dikotomi ini menonjolkan cabaran Malaysia dalam mengimbangi kemasukan modal segera daripada pelabur portfolio dengan pendorong jangka panjang daripada pelaburan modal tetap.

MIDA berada di tengah-tengah tindakan mengimbangi, mempromosikan dan melaporkan komitmen pelaburan. Namun begitu, jurang antara pelaburan yang diluluskan dengan projek yang direalisasikan banyak menggambarkan halangan yang masih dihadapi oleh negara seperti kelewatan birokrasi, halangan pengawalseliaan dan keadaan pasaran yang berubah-ubah menjadikan potensi pertumbuhan satu fenomena yang perlu ditunggu. Untuk Malaysia benar-benar memanfaatkan pelaburan yang diluluskan, kerajaan mesti memastikan janji itu diterjemahkan kepada hasil yang ketara seperti pembinaan kilang baharu, peningkatan infrastruktur dan peluang pekerjaan yang memberikan manfaat kepada ekonomi secara keseluruhan.

Pertumbuhan semasa Malaysia yang didorong oleh pelaburan sektor swasta yang kukuh dan pasaran eksport yang mantap menunjukkan masa depan yang lebih cerah. Daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan, terutamanya dalam sektor intensif tenaga seperti


pusat data menunjukkan bahawa negara berada pada landasan yang betul. Walau bagaimanapun, cabaran sebenar adalah dengan memastikan pertumbuhan ini dibina atas asas jangka panjang yang kukuh dengan pelaburan GFCF yang mencipta aset sebenar dan bukannya aliran portfolio sementara yang bergerak mengikut sentimen pasaran global. Daya saing ekonomi masa depan Malaysia bergantung pada tindakan pengimbangan yang teliti antara keuntungan jangka pendek dengan pembangunan mampan.

Peningkatan ringgit baru-baru ini bukanlah satu kebetulan, sebaliknya kenaikan itu merupakan sebahagian daripada trajektori jangka panjang yang lebih luas dan mencerminkan kematangan ekonomi negara yang semakin meningkat serta berdaya tahan. Setelah Malaysia keluar dari zaman kegelapan pertumbuhan rendah dan inflasi tinggi, ekonomi Malaysia kini berada pada kedudukan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan didorong oleh eksport yang kukuh, pelaburan asing yang strategik dan persekitaran politik yang stabil. Dengan dasar monetari BNM yang bijak dan pendekatan yang disesuaikan dengan baik terhadap kadar faedah, ringgit akan terus mengukuh disokong oleh keyakinan pelabur terhadap asas kukuh Malaysia.

Peningkatan ringgit bukannya sementara. Hal ini demikian kerana pertumbuhan terbaharu Malaysia didorong oleh sektor yang kukuh seperti teknologi, tenaga boleh baharu dan pembuatan yang menarik pelaburan langsung asing yang ketara. NETR ditambah

dengan sumber tenaga yang banyak menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama untuk industri berteknologi tinggi seterusnya memastikan aliran masuk modal yang stabil. Di samping itu, ketika pelabur global mencari alternatif kepada China, Malaysia semakin menjadi hab penting dalam landskap pelaburan Asia Tenggara.

Namun begitu, cabaran seterusnya bagi Malaysia adalah untuk mengimbangi pertumbuhannya. Walaupun Portfolio Pelaburan dialu-alukan, kunci sebenar kepada kemajuan ekonomi yang mampan terletak pada GFCF. Maka itu, negara ini mesti terus menyalurkan sumber ke dalam GFCF untuk memastikan bahawa peningkatan ini diterjemahkan kepada penambahbaikan ketara dalam infrastruktur, penciptaan pekerjaan dan kapasiti industri.

Kenaikan ringgit mencerminkan perubahan struktur yang lebih mendalam dalam ekonomi Malaysia dan meletakkannya pada landasan yang mampan. Dengan inflasi terkawal, eksport yang berkembang dan persekitaran kewangan yang stabil, Malaysia berada pada landasan untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Cabaran kini adalah untuk memastikan momentum ini dikekalkan dan mengubah keuntungan jangka pendek menjadi kemakmuran jangka panjang. Sekiranya trajektori ekonomi Malaysia kekal berdaya saing, pastinya ringgit akan terus menunjukkan prestasi yang baik dalam arena global. 

Samirul Ariff Othman ialah Pensyarah Adjung di Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), penganalisis hubungan antarabangsa dan perunding kanan di Global Asia Consulting (GAC).